**NEWSPAPER CLIPPING**

Newspaper : Sinar Harian

Date : 27 Januari 2017

Title : KLIK Kempen Keselamatan Jalanraya MKJR Kuala Selangor

Section : Kuala Selangor Page : 40

LATAR
KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY






**KLIK** Pengurus Jabatan Eksekutif Lebuhraya Kuala Selangor-Kuala Lumpur (Latar), Fakrurazi Zakaria (kanan) menyampaikan beg cenderahati kepada pengguna sempena Kempen Keselamatan Jalan Raya anjuran Pejabat Daerah Tanah Daerah Kuala Selangor.

# NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper : Sinar Harian
Date : 27 Januari 2017
Title :Kejara dilaksana April ini bagi mengurangkan keselamatan
Section : Nasional Page : 12




Tiong Lai merasmikan mural di R&R Genting Sempah sempena Kempen Keselamatan Lebuhraya Sempena Tahun Baharu Cina.

## Kejara dilaksana April ini bagi mengurangkan kemalangan

**BENTONG** - Pelaksanaan Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (Kejara) akan mula dilaksanakan April ini bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya di negara ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, sistem itu membantu pemandu terutama pesalah tegar berwaspada bagi mengelakkan pembatalan lesen.

"Kejara adalah satu sistem penting dan banyak negara seperti Australia telah melaksanakannya.

"Tahun lalu, sistem ini kita dah buat pindaan ke atas Akta Pengangkutan Jalan bagi membolehkan pemotongan mata dan tahun ini kita akan bina perisian ini supaya semua kesalahan boleh disambung melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) untuk buat pemotongan markah," katanya kepada pemberita pada sidang media Kempen Keselamatan Lebuhraya Sempena Sambutan Tahun Baharu Cina di kawasan Rehat dan Rawat (R&R) Genting Sempah di sini, semalam.

Tiong Lai berkata, sistem itu akan beroperasi melalui penggabungan Kamera Sistem Kesedaran Automatik (Awas) yang diletakkan di 21 tempat berisiko tinggi kemalangan.

Sementara itu katanya, pengguna tidak perlu risau mengenai pemotongan markah yang dilaksanakan melalui sistem itu kerana mereka akan menerima maklumat apabila markah dipotong.

"Dulu kompaun sahaja, sekarang mereka akan terima kompaun dan pemotongan markah.

Dalam perkembangan lain, Tiong Lai berkata, kementerian akan mengadakan satu perjumpaan bersama keluarga MH370 dalam tempoh terdekat.

Katanya, pencarian dihentikan di selatan Lautan Hindi seluas 120,000 kilometer (km) persegi namun di sebelah darat, masih diteruskan.

"Kita tidak akan mencari di kawasan lain melainkan ada maklumat dan bukti kukuh," katanya.

## TOLL DISCOUNTS

In conjunction with Chinese New Year, highway users will get to enjoy discounted toll rates.10% discount to all vehicles using Touch 'n Go and SmartTag for payment. The incentive starts from midnight to 11.59pm tomorrow. There is also a Traffic Travel Advisory for the festive season. For details, visit www.anihberhad.com or Anih's Twitter page @LPTTrafik.

- There will be a 10% discount for Class 1 vehicles on Duta-Ulu Kelang Highway (DUKE) from 12.01am to 11.59pm tomorrow.
- There will be a 60sen discount for all class vehicles on Damansara-Puchong Highway (LDP), a 20sen discount for all class vehicles on Western KL Traffic Dispersal Link System Highway (Sprint), and a 10% discount for class one vehicles on Shah Alam (Kesas) Highway, tomorrow, from midnight to 11.59pm. For details, call 03-7494 7333 or 03-5633 7188.
- All class of vehicles that use cashless payment on Kuala Lumpur-Karak Highway (KLK) and East Coast Expressway Phase One (LPT 1), will receive a 10% discount tomorrow, from midnight to 11.59pm.
- Motorists will receive a 10% discount for all class vehicles on Ampang-Kuala Lumpur Elevated Highway (AKLEH), Guthrie Corridor Expressway and Lebuhraya Kemuning-Shah Alam (LKSA) from 6am tomorrow to 6am Jan 29.
- SMART tunnel users will receive a 10% discount from Jan 28, 6am to Jan 29, 6am. For details, visit www.smarttunnel.com.my